

Sokongan padu Dr M terus terajui negara

941 2 4 JUN 2002

KUALA LUMPUR, Ahad — Pelbagai pihak termasuk pemimpin politik dari parti kerajaan dan pembangkang dan pemimpin badan bukan kerajaan menyatakan sokongan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk terus memimpin negara.

Rata-ratanya menyokong tindakan Perdana Menteri menarik balik keputusannya meletakkan jawatan politik dan kerajaan dan menyatakan negara masih memerlukan kepimpinannya.

Presiden Gabungan Persatuan Pengguna -Malaysia (Fomca), Prof Datuk Hamdan Adnan, menyatakan perasaan lega Perdana Menteri menarik balik peletakan jawatannya.

Sementara itu, Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Datuk Saifuddin Abdullah, berkata tindakan Dr Mahathir menarik balik keputusannya meletakkan jawatan sesuatu yang amat menggembirakan kerana khidmatnya amat diperlukan.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Datuk Zainal Rampak, berkata keputusan Dr Mahathir untuk menarik balik peletakan jawatannya perlu dilihat sebagai sesuatu yang cukup berharga dan meminta semua pihak bersatu hati menjayakan wawasan Perdana Menteri untuk memajukan bangsa dan negara.

Presiden Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB), Prof Madya Dr Abdul Rahman Daud, pula berkata ramai pihak menyokong

penuh kepimpinan Perdana Menteri dan mahu beliau terus menerajui negara.

“Tidak perlu letak jawatan kerana rakyat terutama guru masih memerlukan kepimpinan beliau bukan saja dalam Umno tetapi untuk agama, bangsa dan negara,” katanya.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Shaid Mohd Taufek, berkata, beliau terlalu sayangkan pada Perdana Menteri dan memerlukan beliau supaya terus memimpin negara ini.

Beliau yang enggan mengulas lanjut berkata semua warga ibu kota termasuk beliau sendiri amat sayangkan PM dan mahu beliau meneruskan pucuk pimpinan negara.

“Pasal hasrat PM untuk meletakkan jawatan semalam, itu saya tidak bofeh komen, tetapi sebagai rakyat jelata, apa yang saya pasti ialah kami semua sayang’ beliau dan masih memerlukan nya supaya terus berkhidmat,” katanya pada pemberita selepas merasmikan Projek Kasih ‘Satu Proiekt Kemasyarakatan’ Kawasan Perumahan Desa Tun Razak, Cheras.

Di SEREMBAN, sekali pun berbeza fahaman nolitik, DAP menyanjung tinggi peranan Dr Mahathir dalam membawa Malaysia keluar daripada krisis ekonomi dan menentang sebarang bentuk keganasan.

Penasihat seumur parti pembangkang itu, Dr Chen Man Hin menganggap pencapaian Dr Mahathir dalam menangani krisis ekonomi cu-

kup cemerlang tanpa bantuan negara asing.

“Perdana Menteri wajar meneruskan tugas kerana khidmatnya masih diperlukan. Kepemimpinan beliau dapat menjadikan negara ini stabil dan dihormati di peringkat antarabangsa.

Di PULAU PINANG, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata khidmat Dr Mahathir masih diperlukan bukan saja sebagai pemimpin bagi rakyat Malaysia juga sebagai jurubicara di peringkat antarabangsa.

Katanya, Gerakan sentiasa memberi sokongan padu kepada Dr Mahathir dalam apa jua keadaan bagi memastikan beliau dapat terus memberi sumbangannya dalam membangunkan negara dan dunia.

Di KUCHING, Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Tan Sri Abdul Taib Mahmud mengetuai partinya menyokong langkah PM menarik balik keputusannya meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan Presiden Umno yang diumumkan semalam.

Taib bersama nemimnin tertinggi PBB, termasuk Timbalan Presiden, Tan Sri Alfred Jabu anak Num’ang dan Naib Presiden, Datuk Abang Johari Tun Abang Openg turut menunjukkan sokongan dengan melaungkan ‘Hidup Mahathir’ selepas perasmian Mesuarat Perwakilan Bahagian PBB di Asajaya, kira-kira 70 kilometer dari sini, hari ini.

Ketika ditemui pemberita

Taib selepas majlis itu, berkata kita tidak mampu untuk melepaskan PM, kerana kepimpinan beliau jelas sekali nampak dan perlu bagi menjamin kestabilan, perpaduan dan kemajuan Malaysia. “Beliau banyak memberi sumbangan kepada dasar menyeluruh Malaysia yang menjadikan negara kita terkemuka dan dihormati. Malaysia dapat nama baik kerana beliau sebab itu kita masih memerlukan khidmat dan kepimpinannya,” katanya.

Masyarakat pendidik di Sarawak juga bersyukur, lega dan berterima kasih dengan keputusan Perdana Menteri menarik balik keputusannya.

Yang Dipertua Kesatuan Guru Bumiputera Sarawak (KGBS), Rosli Shamat, berkata KGBS terkejut dengan pengumuman itu dan kini cukup gembira selepas Dr Mahathir menimbang menarik semula keputusan itu.

“KGBS menyokong keputusan Dr Mahathir menarik balik keputusannya meletakkan jawatan dan KGBS akan berdiri teguh di belakang beliau.

Sementara itu Kesatuan Guru Sarawak (STU) berkata pengumuman itu amat memeranjatkan semua peringkat rakyat di negara ini, bukan saja ahli Umno, malah orang politik.

Presidennya, William Ghani Bina, berkata kewibawaan Dr Mahathir sebagai pemimpin amat menyerlah malah diakui dunia dan keputusan beliau menarik balik peletakan jawatannya membuktikan beliau

prihatin dengan kehendak rakyat yang mahukan beliau meneruskan kepimpinan negara ini.

Di KOTA BHARU, Pengarah Jabatan Pendidikan Kefantan, Datuk Shafii Ismail, berkata rakyat memerlukan kepimpinan dan khidmat Dr Mahathir untuk membawa bangsa Melayu melepasi pelbagai rintangan serta masalah terutama dalam agenda pendidikan.

“Kami menolak peletakan jawatan beliau dan lega dengan keputusan Dr Mahathir menarik balik keputusan untuk meletak jawatan,” katanya.

Shafii berkata, warga pendidik di Kelantan memohon Dr Mahathir meneruskan kepimpinan dalam Umno. BN dan sebagai Perdana Menteri seumur hidup.

Yang Dipertua Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Tumpat, Mohd Razali Omar, berkata adalah satu kerugian besar kepada badan bukan kerajaan di Kelantan dan Malaysia amnya jika Dr Mahathir berhenti daripada kerajaan.